




KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH

A. LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 229 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 29,267 kes. Dua (2) kes kematian dilaporkan di Daerah Kota Kinabalu. Takziah kepada semua keluarga yang terlibat.
- 2 Pada hari ini, seramai 260 pesakit COVID-19 telah discaj / sembah dari hospital menjadikan jumlah kumulatif sembah 26,233 orang. Sejumlah 2,219 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 597 orang di hospital dan 1,622 orang di PKRC. Bilangan pesakit COVID-19 dalam ICU ialah 58 orang dan 12 orang pula memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).
- 3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada penambahan zon merah pada hari ini.

- 4 Tiada kluster baharu direkodkan pada hari ini. Berbanding jumlah kes yang dilaporkan semalam, perkembangan pandemik COVID-19 hari ini memaparkan lapan (8) daerah mencatat kes menurun, 10 daerah lagi kekal manakala sembilan (9) daerah mencatat penambahan kes. Dari sudut pengelasan zon pula, tiada perubahan warna dikesan bagi 27 daerah di Sabah.
- 5 Daripada 229 kes positif COVID-19 pada hari ini, 104 kes (45.41%) adalah berpunca dari saringan kontak rapat, 39 kes (17.03%) daripada saringan kluster baharu dan sedia ada, saringan bergejala 39 kes (17.03%), saringan komuniti 25 kes (10.91%) dan 22 kes (9.60%) adalah dari lain-lain kategori.
- 6 Jumlah katil di Hospital COVID-19 ialah sebanyak 1,007 unit, manakala jumlah katil di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) pula adalah 5,796 unit. Jumlah ini menjadikan jumlah kapasiti keseluruhan katil ialah 6,803 unit dengan peratus penggunaan katil pada hari ini adalah 32.62%. Bermula hari ini, PKRC Pulakop Papar ditamatkan operasi buat sementara waktu untuk memberi fokus kepada kapasiti di Dewan Masyarakat Papar yang kini ditingkatkan sehingga 60 katil. PKRC Pulakop akan dibuka semula sekiranya kes meningkat.

B. PENAMATAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI PUSAT TAHANAN SEMENTARA (PTS) TAWAU, PENJARA SANDAKAN DAN KUARTERS PENJARA TAMAN WIRA, SANDAKAN

- 1 Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Pusat Tahanan Sementara (PTS) Tawau, Penjara Sandakan dan Kuarters Penjara Taman Wira, Sandakan bermula 6 November 2020 yang kemudian dilanjutkan dan dijadual tamat pada 3 Disember 2020.
- 2 Bagi PTS Tawau, KKM telah melaksanakan sebanyak 2,613 saringan dan sebanyak 774 kes kumulatif positif COVID-19 telah direkodkan. KKM mengesahkan kes terakhir yang dilaporkan adalah pada 30 November 2020 dan tiada lagi sampel saringan yang sedang menunggu keputusan.
- 3 Manakala, bagi Penjara Sandakan dan Kuarters Penjara Taman Wira, Sandakan, KKM telah membuat 1,809 ujian saringan dan sebanyak 799 jumlah kes kumulatif positif COVID-19 telah direkodkan di kedua-dua lokaliti ini. Walau bagaimanapun, KKM mengesahkan kes terakhir yang dilaporkan adalah pada 27 November 2020 dan tiada lagi sampel saringan yang sedang menunggu keputusan.
- 4 Atas nasihat dan penilaian risiko oleh KKM, Mesyuarat Khas hari ini bersetuju untuk menamatkan PKPD di PTS Tawau, Penjara Sandakan dan Kuarters Penjara Taman Wira, Sandakan pada 3 Disember 2020 sebagaimana yang telah dijadualkan.

C. PENAMATAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI KG. NAHABA DAN KG. TEGUDON, KOTA BELUD

- 1 Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kg. Nahaba dan Kg. Tegudon, Kota Belud bermula 20 November 2020 sehingga 3 Disember 2020.
- 2 Sehingga kini, KKM telah melaksanakan sebanyak 830 saringan di Kg. Nahaba dan 139 ujian saringan di Kg. Tegudon.
- 3 Atas nasihat dan penilaian risiko oleh KKM, Mesyuarat Khas hari ini bersetuju untuk menamatkan PKPD di Kg. Nahaba dan Kg. Tegudon pada 3 Disember 2020 sebagaimana yang telah dijadualkan.

D. KEHADIRAN 50 PERATUS PENJAWAT AWAM NEGERI BERMULA 7 DISEMBER 2020

Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sabah pada hari ini memutuskan kehadiran 50 peratus penjawat awam Negeri Sabah bermula 7 Disember 2020 (Isnin).

E. BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Sehingga hari ini, sebanyak **264,031** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan sasar.

F. LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN UMUM *INFO ON WHEELS*

- 1 Sebanyak 69 SJR telah dilaksana melibatkan pemeriksaan 45,643 kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 71 buah kenderaan diarah berpatah balik. Tiada tangkapan namun 12 kompaun dikeluarkan atas kesalahan melanggar SOP COVID-19. PDRM juga telah melaksanakan 37 hebahan melalui kereta peronda.
- 2 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin yang melibatkan 57 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 21 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan.
- 3 Jabatan Bomba dan Penyelamat Sabah telah melaksanakan sanitasi di empat (4) premis di daerah (3) daerah iaitu Tawau, Semporna dan Kota Kinabalu.

- 4 Hebaham umum *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Sabah mengenai pematuhan SOP, amalkan 3W, elakkan 3C dan pembudayaan norma baharu telah dilaksanakan di 114 lokasi di 19 daerah. Hebaham dibuat dalam lima (5) bahasa iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Mandarin, Bahasa Dusun, Bahasa Bajau serta Bahasa Iranun.

G. BANTUAN LOGISTIK

- 1 Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri mempunyai 241 buah kenderaan yang sedia digunakan bagi tujuan bantuan logistik COVID-19.
- 2 Daripada jumlah tersebut, sebanyak 44 kenderaan digunakan untuk mengangkut pesakit COVID-19, manakala 35 kenderaan digunakan untuk menghantar bakul makanan ke lokasi sasaran. Baki 162 kenderaan pelbagai jenis bersedia digerakkan jika perlu.

H. KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)

Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPB ialah 98%. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Kinabatangan	99%
2	Sipitang	99%
3	Kota Kinabalu	99%
4	Kota Belud	99%
5	Kudat	98.5%
6	Kunak	98.5%
7	Beaufort	98%
8	Ranau	98%
9	Penampang	98%
10	Papar	98%
11	Kota Marudu	98%
12	Beluran	98%
13	Sandakan	98%
14	Tuaran	97%
15	Keningau	97%
16	Tenom	97%
17	Tawau	97%
18	Lahad Datu	97%
19	Semporna	97%

Bersama-sama kita putuskan rantaian COVID-19 dengan mengamalkan norma baharu dalam kehidupan seharian demi kesejahteraan diri, keluarga serta masyarakat.

**#kitajagakita #stayhome #staysafe
#workfromhome
#normabaharu**

Sekian.

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II**
02 Disember 2020